

SIJIL RAHMAH PA TAKAFUL

PENDAHULUAN

Takaful ialah skim bantuan bersama berdasarkan semangat persaudaraan dan perpaduan di mana para Peserta seperti Anda bersetuju untuk saling membantu satu sama lain dari segi kewangan bagi keperluan tertentu. Dengan niat ini, para Peserta membayar Sumbangan mereka berdasarkan Tabarru' (sumbangan) kepada Dana Takaful Am (Dana) yang diuruskan oleh Etika General Takaful Berhad (Pengendali Takaful). Pembayaran jumlah yang dilindungi kepada para Peserta dibayar daripada Dana tersebut berdasarkan konsep Tabarru'.

Sebagai Pengendali Takaful, Kami bertanggungjawab memilih para Peserta serta menentukan dan mengumpulkan Sumbangan. Kami juga bertanggungjawab untuk melaburkan Dana dan membayar Manfaat kepada para Peserta yang berhak. Semua hasil daripada pelaburan akan dikreditkan ke dalam Dana. Dana ini dimiliki secara kolektif oleh para Peserta di mana bahagian sumbangan Tabarru' diletakkan untuk tujuan Takaful. Hubungan antara Anda dan Kami ditadbir oleh kontrak Wakalah (perwakilan).

Lebihan dari Dana akan ditentukan setiap tahun dan akan dibayar untuk Sijil tahunan. Pengagihan, sekiranya ada, diperuntukkan bagi peruntukan luar jangka, dan tertakluk kepada polisi lebihan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah Kami. Lebihan yang boleh diagih, sekiranya ada, lima puluh peratus (50%) daripadanya dibayar kepada Kami kerana mengendali dan menguruskan Dana, berdasarkan kontrak Ju'alah (ganjaran), dan baki lima puluh peratus (50%) akan dikongsi antara para Peserta yang mana Sijil mereka belum ditamatkan dan tidak membuat sebarang tuntutan dalam tahun kewangan tersebut. Sekiranya berlaku apa-apa defisit daripada Dana tersebut, tidak akan ada pengagihan lebihan bagi tahun kewangan tersebut. Dalam keadaan sedemikian, defisit akan dibiayai oleh jumlah yang diperuntukkan bagi tujuan luar jangka. Sekiranya Dana tersebut masih defisit, Qard (pinjaman tanpa faedah) akan diatur. Qard akan dibawa ke tahun kewangan yang berikutnya dan sebarang lebihan yang diperolehi selepas itu akan digunakan untuk membayar semula Qard. Jika lebihan adalah kurang daripada Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10.00), Kami akan mengkreditkan jumlah wang itu ke dalam tabung kebajikan yang akan digunakan sebagai Amal Jariah bagi pihak para Peserta.

Permohonan Anda untuk menyertai skim takaful ini sebagai Peserta telah Kami terima berdasarkan permohonan yang Anda telah tandatangani berserta segala maklumat yang diberikan kepada Kami. Sekiranya Anda tidak mengisi Borang Permohonan, penerimaan Kami adalah berdasarkan kenyataan fakta dan apa-apa maklumat lain yang Anda berikan kepada Kami. Sebagai Peserta, Anda akan menerima perlindungan takaful seperti yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat yang mungkin berlaku kepada Anda dalam Tempoh Takaful tertakluk kepada peraturan dan syarat kontrak takaful ini.

Kontrak takaful Anda terdiri daripada Borang Permohonan, Sijil ini dan Jadual. Anda harus menelitiinya untuk menentukan ianya menepati perlindungan yang Anda perlukan.

Skim takaful ini adalah tertakluk kepada Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia (BNM). Satu keperluan akta ini ialah penubuhan Jawatankuasa Syariah untuk memberi nasihat kepada Kami supaya tidak terlibat dalam aktiviti yang ditegah oleh Syariah.

APAKAH YANG MEMBENTUK SIJIL INI

Takaful tidak melindungi Anda daripada kesemua yang boleh berlaku.

Tajuk tidak dikira sebahagian daripada penyataan Sijil.

Sijil ini dikeluarkan sejajar dengan pembayaran Sumbangan seperti yang ditetapkan di dalam Jadual dan menurut kepada kenyataan yang telah dikemukakan di dalam Borang Permohonan Anda (atau semasa memohon takaful ini) dan segala kenyataan yang telah dibuat oleh Anda di antara masa penyerahan Borang Permohonan (atau semasa memohon takaful ini) dan pada masa perjanjian ini ditandatangani. Jawapan dan apa-apa pendedahan lain yang telah Anda berikan akan menjadi sebahagian daripada kontrak takaful antara Anda dan pihak Kami. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat sebarang salah nyata semasa pra-kontrak berhubung dengan jawapan Anda atau di dalam mana-mana pendedahan yang Anda berikan, hanya remedii yang terdapat dalam Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 akan diguna pakai.

Sijil ini merangkumi terma-terma dan syarat-syarat kontrak takaful seperti yang dipersetujui antara Anda dan pihak Kami.

Sijil ini menyatakan perlindungan takaful yang Anda terima seperti yang ditunjukkan dalam Jadual dan keadaan-keadaan di mana Anda dilindungi dan tidak dilindungi.

Untuk membantu memelihara alam sekitar, Kami akan menghantar satu salinan Sijil sahaja. Sila simpan Sijil ini di tempat yang selamat. Dalam kes pembaharuan Sijil dan/atau pindaan syarat Sijil, Kami akan menghantar Jadual pembaharuan dan/atau Endorsemen sahaja kepada Anda. Jika pada bila-bila masa Anda mahu salinan penggantian dokumen ini, sila hubungi Kami dan Kami sedia membantu.

KEWAJIPAN ANDA UNTUK MEMBERITAHU KAMI

1. Komunikasi

Semua komunikasi kepada Kami mesti dibuat secara bertulis atau hubungi Etika Online di 1300 13 8888.

2. Kewajipan pendedahan sebelum takaful ini diberikan

- i) Apabila Anda telah memohon takaful ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesi Anda, Anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan yang terdapat dalam Borang Permohonan (atau semasa memohon takaful ini) sebagai contoh, Anda perlu menjawab dengan penuh dan tepat. Kegagalan dalam mengambil langkah munasabah dalam menjawab soalan-soalan boleh mengakibatkan pembatalan kontrak takaful Anda, keengganan atau pengurangan tuntutan Anda, perubahan terma atau penamatkan kontrak takaful Anda selaras dengan remedii dalam Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. Anda juga dikehendaki mendedahkan perkara-perkara lain yang Anda tahu akan mempengaruhi keputusan Kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang akan dikenakan.
- ii) Jika Anda tidak memberikan maklumat ini dengan sepenuhnya dan sejurnya, takaful ini mungkin tidak sah atau Sijil mungkin tidak melindungi Anda dengan sepenuhnya.

3. Kewajipan pendedahan sepanjang tempoh takaful ini

Anda dikehendaki memberitahu Kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak takaful ini atau mana-mana Sijil lain yang berkuatkuasa ke atas Anda atau oleh Anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan Kami, apa-apa maklumat yang diberikan di dalam Borang Permohonan (atau semasa memohon takaful ini atau Sijil- Sijil lain) tidak tepat atau telah berubah termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa perubahan dalam pekerjaan Anda, tugas kerja, aktiviti sukan, atau apa-apa maklumat berkaitan yang boleh meningkatkan risiko termasuk sebarang penyakit, kecacatan atau keuzuran fizikal atau mental. Kami mungkin:

- i) meminta Anda membayar Sumbangan tambahan bagi peningkatan risiko tersebut;
- ii) membuat perubahan kepada terma dan syarat Sijil ini; atau
- iii) membiarkan terma, syarat dan Sumbangan Sijil seadanya tanpa diubah.

Anda akan hanya dilindungi untuk apa-apa peningkatan risiko jika dipersetujui secara bertulis oleh pihak Kami.

DEFINISI

Melainkan dinyatakan atau ditakrifkan sebaliknya, definisi dengan tafsiran yang dinyatakan di bawah, akan digunakan kepada Sijil ini.

Dana Takaful Am (Dana) bermaksud akaun Peserta di mana bahagian Tabarru' daripada Sumbangan dimasukkan bagi tujuan Takaful. Dana ini dimiliki secara kolektif oleh para Peserta dan Jumlah yang Dilindungi yang ditunjukkan di dalam Jadual Takaful adalah dibayar daripada Dana tersebut.

Data Peribadi bermaksud apa-apa maklumat yang berkait secara langsung atau tidak langsung kepada Anda dan meliputi mana-mana individu yang data peribadinya telah dikemukakan oleh Anda, yang dikenal pasti atau boleh dikenal pasti daripada maklumat tersebut atau daripada maklumat tersebut dan maklumat lain dalam milikan Kami, termasuk mana-mana data peribadi sensitif dan pernyataan pendapat tentang Anda dan individu tersebut. Bagi tujuan penjelasan, data peribadi Anda mungkin boleh diberikan kepada Kami oleh pihak ketiga yang berkuasa.

Doktor bermaksud pengamal perubatan yang berdaftar, yang layak dan berlesen untuk mengamalkan perubatan barat, dan yang semasa memberikan rawatan itu, mengamalkannya mengikut skop pelesenan dan latihannya di kawasan geografi profesion tersebut diamalkan. Doktor yang merawat bukan Anda, Pasangan, rakan kongsi perniagaan, majikan, pekerja, ejen atau individu yang berkaitan dengan Anda dalam apa jua cara melalui pertalian darah, perkahwinan, atau pengambilan keluarga angkat.

Endorsemen bermaksud perubahan bertulis atau pindaan ke atas maklumat, terma-terma, dan syarat-syarat Sijil ini. Endorsemen ke atas Sijil ini mesti dikeluarkan oleh pihak Kami.

Hilang Lengan atau Kaki bermaksud kehilangan menyeluruh penggunaan atau putus pada atau di atas pergelangan tangan atau sendi buku lali.

Hilang Penglihatan bermaksud hilang penglihatan kekal, menyeluruh dan tidak boleh pulih akibat Kemalangan sehingga suatu tahap apabila diuji menggunakan alat bantuan penglihatan, penglihatan diukur pada 3/60 atau lebih teruk untuk sebelah mata atau kedua-dua belah mata menggunakan carta mata Snellen atau ujian yang setara dan keputusan tersebut mestilah disahkan oleh pakar oftalmologi.

Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal bermaksud bahawa Anda tidak berupaya untuk melaksanakan apa-apa kerja, pekerjaan atau profesi untuk mendapatkan upah, pampasan atau keuntungan, semata-mata akibat Kemalangan, tanpa peluang untuk pulih berdasarkan pengetahuan dan teknologi perubatan semasa, akibat mengalami lumpuh menyeluruh dan kekal, kekal terlantar sakit di katil atau tidak siuman.

Jadual bermaksud Jadual Sijil di mana Manfaat dan Jumlah Yang Dilindungi dinyatakan.

Ju'alah ialah kontrak ganjaran. Ia adalah kontrak pertukaran untuk tugas yang diketahui atau tidak diketahui yang sukar untuk ditentukan dan pembayaran perlu dibuat sebaik sahaja tugas tersebut disempurnakan. Berkaitan dengan Sijil ini, ia merujuk kepada ganjaran yang diberikan kepada Kami yang dipersetujui terlebih dahulu oleh Anda dan Kami bagi pengurusan Dana yang baik.

Kami bermaksud Etiqa General Takaful Berhad.

Keadaan Sedia Ada bermaksud Penyakit yang mana Orang Yang Dilindungi dianggap mempunyai pengetahuan munasabah, berdasarkan mana-mana yang berikut berlaku sebelum Tarikh Takaful Berkuatkuasa:

- a) Orang Yang Dilindungi telah menerima atau sedang menerima rawatan;
- b) Nasihat perubatan, diagnosis, penjagaan atau rawatan telah disyorkan;
- c) Gejala yang jelas dan nyata dapat atau telah dilihat dengan ketara; atau
- d) Kewujudannya jelas kepada orang yang berfikiran waras dalam keadaan tersebut.

Kecederaan bermaksud kecederaan badan yang dialami oleh Anda semasa Tempoh Takaful yang disebabkan semata-mata dan secara langsung daripada Kemalangan. Ini tidak termasuk apa-apa keuzuran, penyakit, parasit, bakteria, jangkitan parasit atau virus walaupun dijangkiti daripada Kemalangan, atau apa-apa keadaan yang berlaku secara semula jadi atau proses hilang upaya atau disebabkan oleh sebarang punca yang berlaku secara berperingkat.

Keganasan bermaksud tindakan, atau tindakan-tindakan, oleh mana-mana orang atau sekumpulan orang, yang dilakukan atas tujuan politik, agama, ideologi atau yang seumpamanya dengan niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau untuk membuat orang awam atau sebahagian orang awam, dalam ketakutan. Keganasan termasuk, tetapi tidak terhad kepada, penggunaan sebenar kekerasan atau keganasan dan/atau ugutan penggunaan tersebut. Keganasan tersebut dilakukan secara bersendirian atau bagi pihak, atau yang berkaitan dengan mana-mana organisasi atau kerajaan. Keganasan hendaklah juga termasuk apa-apa perbuatan yang disahkan atau diiktiraf oleh kerajaan (yang berkaitan) sebagai tindakan keganasan dan/atau dikawal di bawah undang-undang yang berkaitan.

Kemalangan bermaksud kejadian yang tiba-tiba, tidak dirancang, tidak dijangka, luar biasa dan kejadian spesifik yang berlaku pada masa dan tempat yang dikenalpasti, bebas daripada apa-apa sebab lain, dan menjadi punca tunggal Kecederaan.

Manfaat bermaksud manfaat seperti yang dinyatakan dalam Sijil, Jadual dan/atau Endorsemen, dibayar oleh Kami di bawah terma-terma, pengecualian-pengecualian dan syarat-syarat Sijil ini bagi setiap kejadian atau kerugian yang dilindungi oleh Sijil ini.

Ombudsman Perkhidmatan Kewangan, atau **OPK** bermaksud suatu badan bebas yang ditubuhkan untuk membantu menyelesaikan pertikaian di antara Pihak Menuntut dan Kami, sebagai alternatif selain mahkamah.

Orang Yang Dilindungi dan **Anda** bermaksud orang yang dinamakan di dalam Jadual sebagai Orang Yang Dilindungi, yang berumur sekurang-kurangnya enam belas (16) tahun dan tidak lebih daripada enam puluh lima (65) tahun pada Tarikh Berkuatkuasa Takaful dan mestilah seorang Warganegara Malaysia.

Penama bermaksud orang yang dinamakan oleh Peserta untuk menerima Manfaat takaful yang dibayar di bawah Sijil setelah kematian Anda. Penamaan tersebut mesti didaftarkan dengan Kami.

Penyakit Berjangkit bermakna sebarang penyakit yang boleh merebak melalui sebarang bahan atau agen daripada apa sahaja organisma kepada organisme lain yang mana:

- a) bahan atau agen tersebut terdiri daripada, tetapi tidak terhad kepada, virus, bakteria, parasit atau organisma lain atau ubahannya, sama ada dianggap hidup atau tidak;
- b) cara jangkitan, sama ada langsung atau tidak langsung, termasuk tetapi tidak terhad kepada, cara jangkitan bawaan udara, cara jangkitan cecair badan, cara jangkitan daripada atau kepada sebarang permukaan atau objek, pejal, cecair atau gas atau antara organisma; dan
- c) penyakit, bahan atau agen tersebut boleh menyebabkan atau mengancam kerosakan kepada kesihatan manusia atau kebaikan manusia atau boleh menyebabkan atau mengancam kerosakan kepada, kemerosotan, kehilangan nilai, kebolehpasaran atau kehilangan penggunaan harta.

Penyakit Mudah Jangkit bermakna sebarang penyakit yang boleh merebak melalui manusia, haiwan atau spesies yang dijangkiti kepada manusia, haiwan atau spesies lain dengan apa-apa juga cara pun.

Peserta bermaksud orang yang dinamakan di dalam Jadual sebagai individu yang mempunyai hak sepenuhnya ke atas Sijil.

Pihak Menuntut bermaksud orang yang layak membuat tuntutan ke atas Manfaat takaful, mengikut terma-terma dan syarat-syarat di dalam Sijil ini.

Qard dalam konteks Sijil ini, ia bermaksud pinjaman tanpa faedah yang diberikan oleh Kami kepada Dana Takaful Am apabila ia tidak mencukupi untuk menanggung kewajipan Takaful dengan syarat kekurangan tersebut bukan disebabkan oleh salah urus atau kecuaian Kami. Pinjaman tersebut akan dibayar semula menggunakan lebihan pada masa hadapan daripada Dana Takaful Am. Jika kekurangan tersebut disebabkan oleh salah urus atau kecuaian Kami, Kami akan membuat pemindahan secara langsung untuk kekurangan tersebut.

Rampasan bermaksud penyitaan dan mengambil alih kawalan Pengangkutan Awam secara menyalahi undang-undang dari krew yang tetap dengan menggunakan atau mengancam menggunakan keganasan.

Sijil bermaksud kontrak takaful Anda yang mengandungi penyataan Sijil ini, Jadual dan sebarang Endorsemen.

Sumbangan bermaksud apa-apa jumlah yang Kami tetapkan untuk Anda bayar di bawah Sijil ini dan termasuk caj-caj yang ditetapkan oleh Kerajaan.

Tabarru' bermaksud sumbangan, derma atau hadiah. Dalam konteks Sijil ini, ia bermaksud Sumbangan untuk tujuan Takaful. Bahagian ini disimpan dalam Dana Takaful Am.

Tarikh Takaful Berkuaikuasa bermaksud tarikh berkuakuasa di dalam Jadual.

Tempoh Takaful bermaksud tempoh di mana Anda dilindungi.

Wakalah adalah merujuk kepada kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal memberi kuasa kepada pihak lain sebagai ejennya untuk melakukan tugas-tugas tertentu berkenaan hal-hal yang dipertanggungjawabkan, dengan atau tanpa mengenakan sebarang fi. Dalam konteks Sijil ini, ia bermaksud Anda telah melantik Kami untuk melabur dan menguruskan Dana Takaful Am bagi pihak Anda. Anda juga memberikan kuasa kepada Kami untuk mewakilkan hak, tanggungjawab dan kewajipan kepada mana-mana pihak ketiga sebagaimana yang dianggap sesuai oleh Kami. Sekiranya ada perwakilan sedemikian, Kami akan tetap bertanggungjawab terhadap semua hak, tanggungjawab dan kewajipan terhadap Anda.

APA YANG DILINDUNGI OLEH SIJIL ANDA

Seksyen Manfaat	Jumlah Manfaat dalam Ringgit Malaysia (RM)	
Seksyen 1 – Kematian Akibat Kemalangan	Pelan 1	Pelan 2
Sekiranya semasa Tempoh Takaful, Anda mengalami Kecederaan yang mengakibatkan Kematian dalam masa dua belas (12) bulan kalendar dari tarikh Kemalangan, Kami akan membayar sekaligus Jumlah Manfaat, seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat.	80,000	40,000
Seksyen 2 – Hilang Upaya Kekal Akibat Kemalangan		
Sekiranya semasa Tempoh Takaful, Anda mengalami Kecederaan Badan yang mengakibatkan Hilang Upaya Kekal, dalam masa dua belas (12) bulan kalendar daripada tarikh Kemalangan, Kami akan membayar kadar Jumlah Manfaat yang berkaitan seperti yang dinyatakan.	80,000	40,000
Kadar Jumlah Manfaat Dibayar: a) Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal b) Hilang sebelah atau atau kedua-dua tangan c) Hilang sebelah atau kedua-dua kaki d) Hilang penglihatan kekal pada satu atau dua mata	100% 100% 100% 100%	100% 100% 100% 100%
Manfaat hilang upaya separa tidak akan dibayar.		
Seksyen 3 – Perbelanjaan Pengebumian		
Sekiranya apa-apa Jumlah Manfaat dibayar di bawah Seksyen 1 Sijil ini, Kami akan membayar sekaligus Jumlah Manfaat di bawah seksyen ini sekiranya Anda meninggal dunia akibat daripada Kemalangan.	1,000	1,000

Agregat semua peratusan yang perlu dibayar di bawah Seksyen 1 dan Seksyen 2 berkenaan dengan setiap orang, setiap kemalangan atau setiap tahun Sijil tidak boleh melebihi RM80,000 (Pelan 1) atau RM40,000 (Pelan 2) daripada Jumlah Manfaat. Sekiranya kami telah membayar sejumlah RM80,000 (Pelan 1) atau RM40,000 (Pelan 2), perlindungan di bawah sijil akan ditamatkan.

PERLUASAN

1. Pendedahan

Sijil ini akan merangkumi tuntutan yang timbul dari kematian Anda yang merupakan hasil dari pendedahan kepada unsur-unsur semula jadi akibat dari Kemalangan yang tidak dapat dielakkan.

2. Hilang

Sekiranya Anda hilang dan jasad Anda tidak ditemui dalam masa satu (1) tahun selepas kehilangan Anda, Kami akan membayar Manfaat Kematian Akibat Kemalangan selepas meneliti semua bukti yang ada dan Kami berpuas hati bahawa kehilangan tersebut boleh dianggap bahawa kematian Anda berpunca daripada Kemalangan.

Seterusnya, sekiranya Anda didapati masih hidup, apa-apa bayaran yang telah dibuat mestilah dikembalikan kepada Kami.

3. Keganasan

Sijil ini diperluaskan untuk melindungi Anda berkenaan dengan Kecederaan, kematian dan hilang upaya yang mungkin dialami melalui Keganasan dengan syarat kejadian tersebut tidak timbul akibat atau berkaitan dengan kerjasama Anda atau provokasi tindakan tersebut dan Kematian atau Kecederaan Akibat Kemalangan sebagai akibat dari perbuatan tersebut tidak dapat dielakkan oleh Anda secara wajar.

4. Rampasan

Sijil ini diperluaskan untuk melindungi kematian atau hilang upaya yang timbul dari rampasan sama ada semasa melakukan perjalanan menggunakan pengangkutan darat sebagai penumpang bertiket atau semasa melakukan perjalanan di dalam pesawat sebagai penumpang bertiket yang mempunyai laluan udara yang telah ditetapkan dalam pesawat jenis standard yang berlesen penuh yang dimiliki dan / atau dikendalikan oleh syarikat penerbangan yang diiktiraf atau sebagai penumpang yang membayar tambang di dalam kapal yang digunakan untuk mengangkut penumpang.

SYARAT-SYARAT

1. Kewajipan untuk mematuhi Syarat-syarat

Kami hanya akan bertanggungjawab untuk membuat apa-apa bayaran di bawah Sijil ini sekiranya Anda sepanjang masa mematuhi terma-terma, peruntukan-peruntukan dan syarat-syarat dalam Sijil ini.

2. Fraud / Penipuan

Sekiranya apa-apa tuntutan dibuat secara fraud / penipuan atau sebarang kaedah penipuan, termasuk menaikkan atau menambah tuntutan atau penyerahan dokumen palsu atau dipalsukan, yang digunakan untuk mendapatkan Manfaat oleh Anda atau sesiapa yang bertindak bagi pihak Anda, semua Manfaat di bawah Sijil ini akan terlucut hak.

3. Makluman, Prosedur dan Penyelesaian Tuntutan

- a) Notis bertulis bagi apa-apa kejadian yang mungkin membolehkan untuk membuat tuntutan hendaklah dikemukakan kepada Kami dengan kadar segera dan tidak melebihi tiga puluh (30) hari daripada tarikh Kemalangan yang mengakibatkan Kecederaan.
- b) Anda mungkin diminta, atas perbelanjaan Kami, untuk menjalani pemeriksaan perubatan lanjut.
- c) Kami hanya akan membayar Manfaat sekiranya laporan perubatan, sijil perubatan, laporan polis, invoice/sebut harga dan resit-resit asal (untuk semua manfaat pembayaran balik) dan lain-lain bukti, yang Kami mungkin perlukan, dikemukakan atas perbelanjaan Anda.

- d) Untuk pembayaran Manfaat, apabila Anda mengemukakan resit atau discaj kepada Kami, liabiliti Kami akan berkurangan dengan membayar Jumlah Dilindungi atau tamat sekiranya Manfaat penuh telah dibayar.
- e) Kami mempunyai hak untuk menolak tuntutan yang Kami tidak berpuas hati dengan bukti yang sedia ada untuk mengesahkan:
 - i. Identiti Anda; atau
 - ii. Keadaan yang menyebabkan kerugian.
- f) Sekiranya berlaku kematian, Kami berhak untuk mendapatkan laporan post-mortem atas perbelanjaan waris Anda.
- g) Kami akan membayar Manfaat yang perlu di bawah Sijil ini kepada Anda atau sekiranya Anda telah meninggal dunia dibayar kepada Penama Anda atau pelaksana undang-undang atau pentadbir mengikut Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.

4. Penamaan

- a) Anda boleh menamakan seorang individu untuk menerima Manfaat Sijil yang dibayar selepas kematian Anda, sama ada sebagai wasi, atau sebagai beneficiari di bawah hibah bersyarat dengan memaklumkan kepada Kami secara bertulis;
- b) Penamaan di bawah 4(a) boleh dibuat:
 - i. Semasa Sijil Takaful dikeluarkan; atau
 - ii. Sekiranya Sijil Takaful telah dikeluarkan, dengan memaklumkan kepada Kami secara bertulis atau dengan menghantar Sijil untuk Endorsemen penamaan oleh Kami.
- c) Anda boleh menyatakan bahagian yang boleh dibayar kepada Penama. Sekiranya Anda tidak menyatakan bahagian tersebut, Kami akan membayar kepada Penama dalam bahagian yang sama rata.
- d) Penamaan oleh Peserta untuk penama menjadi beneficiari di bawah hibah bersyarat, walau dengan apa saja undang-undang bertulis, mempunyai hak untuk memindahkan hak milik, dan berdasarkan pindahan hak milik itu, Manfaat Sijil boleh dibayar kepada Penama selepas kematian Peserta. Manfaat sedemikian yang dipindahkan tidak menjadi sebahagian daripada harta pusaka Peserta yang meninggal itu atau tertakluk kepada hutangnya.

5. Penamatan Sijil

a) Penamatan oleh Peserta

Sekiranya Anda memberi notis secara bertulis kepada Kami untuk menamatkan Sijil ini, penamatan tersebut akan berkuatkuasa pada tarikh notis diterima atau pada tarikh yang dinyatakan di dalam notis, mana-mana yang terkemudian. Kami akan membayar balik bahagian Sumbangan yang belum tamat Tempoh Takaful secara pro-rata dengan syarat tiada tuntutan telah dikemukakan kepada Kami dalam Tempoh Takaful tersebut.

b) Penamatan Sijil Secara Automatik

Sijil ini akan ditarik:

- i. Apabila Anda meninggal dunia; atau
- ii. Selepas pembayaran seratus peratus (100%) Jumlah Manfaat bagi Kematian Akibat Kemalangan atau mana-mana satu (1) kejadian Hilang Upaya akibat Kemalangan;

Tiada bayaran balik bahagian Sumbangan yang belum tamat Tempoh Takaful dalam Tempoh Takaful tersebut apabila Manfaat b) i atau b) ii telah dibayar.

c) Penamatan oleh Kami

Kami berhak untuk memberi notis penamatan (dengan syarat ianya adalah perlu, munasabah dan wajar) melalui pos berdaftar kepada Anda di alamat Anda yang terakhir atau melalui emel elektronik. Penamatan tersebut akan berkuatkuasa selepas tiga puluh (30) hari daripada tarikh notis. Kami akan membayar balik bahagian Sumbangan yang belum tamat Tempoh Takaful secara pro-rata dengan syarat tiada tuntutan telah dikemukakan kepada Kami dalam Tempoh Takaful tersebut.

d) Sumbangan Bulanan Tidak Dijelaskan

Jika Sumbangan permulaan yang dicaj ke akaun Peserta tidak dibayar, Sijil ini tidak sah dari tarikh berkuatkuasanya. Jika satu atau lebih Sumbangan telah dijelaskan tetapi Sumbangan yang berikutnya tidak dibayar, maka Sijil akan tamat berkuatkuasa dari tarikh Sumbangan yang tidak dibayar itu. Tiada bayaran balik selepasnya akan dibuat.

e) Masa Penamatan Berkuatkuasa

Sijil ini akan tamat pada 12:01 pagi waktu Malaysia pada tarikh penamatan berkenaan.

6. Pembayaran Sumbangan – Tunai Sebelum Perlindungan

Anda harus membayar Sumbangan sebelum perlindungan di bawah Sijil ini berkuatkuasa.

7. Pembaharuan Sijil

Sijil ini berkuatkuasa seperti Tarikh yang dinyatakan di dalam Jadual. Pembaharuan Sijil ini adalah satu tahun daripada Tarikh Takaful Berkuatkuasa dan akan diperbaharui setiap tahun. Sijil ini diperbaharui atas pilihan Kami. Sijil ini akan tamat apabila Anda mencapai tujuh puluh satu (71) tahun.

8. Had Wilayah

Sijil ini memberi perlindungan di seluruh dunia.

9. Fasal Timbang Tara

Semua perselisihan, kontroversi atau tuntutan yang timbul daripada atau yang berkaitan dengan Sijil ini akan dirujuk dan diputuskan oleh seorang Penimbang Tara. Penimbang Tara akan dilantik secara bertulis oleh pihak-pihak yang bercanggah, atau sekiranya mereka tidak dapat memilih seorang Penimbang Tara yang dipersetujui bersama, dua orang Penimbang Tara akan dilantik untuk membuat keputusan, setiap seorang dilantik secara bertulis oleh setiap pihak. Pelantikan hendaklah dibuat dalam masa satu (1) bulan kalender selepas dikehendaki berbuat demikian oleh pihak-pihak tersebut. Sekiranya pemilihan Penimbang Tara tidak mendapat persetujuan bersama, Pengadil akan dilantik secara bertulis oleh kedua-dua Penimbang Tara mengikut Pusat Timbang Tara Antarabangsa (AIAC) untuk i-Kaedah Penimbang Tara. Pengadil hendaklah menetapkan dan mengisyiharkan keputusan yang ditentukan oleh Penimbang Tara hendaklah diperolehi dahulu sebelum apa-apa tindakan ke atas Kami. Tempat untuk timbang tara haruslah di Kuala Lumpur, Malaysia.

Sekiranya Kami menafikan liabiliti kepada Anda untuk sebarang tuntutan yang berkenaan, tuntutan itu haruslah tidak melebihi dua belas (12) bulan daripada tarikh pertikaian yang telah dirujuk kepada Penimbang Tara di bawah peruntukan yang terkandung di sini, maka tuntutan bagi semua maksud dan tujuan hendaklah dianggap telah diabaikan dan selepas itu tidak boleh dituntut.

10. Tindakan Undang-undang

Tiada tindakan undang-undang boleh dibuat di bawah Sijil ini sebelum tamat tempoh enam puluh (60) hari selepas Bukti Kerugian bertulis telah diberikan menurut keperluan Sijil ini. Tiada tindakan boleh diambil melebihi tiga (3) tahun selepas Bukti Kerugian bertulis diperlukan untuk dikemukakan.

11. Perubahan dan Pertukaran

Kami mempunyai hak untuk memperbaharui, membatalkan atau mengubah terma-terma dan peruntukan di dalam Sijil ini (dengan syarat ianya adalah perlu, munasabah dan wajar) dengan memberikan tiga puluh (30) hari notis awal bertulis secara pos biasa di alamat terakhir Anda atau emel elektronik di dalam rekod Kami, dan perubahan tersebut akan diguna pakai untuk pembaharuan Sijil seterusnya.

Tiada perubahan di dalam Sijil ini sah melainkan mendapat kebenaran daripada Kami dan telah disahkan.

12. Perlindungan Lain

Tiada seorang pun boleh dilindungi lebih daripada satu (1) Rahmah PA Takaful yang dikeluarkan oleh Kami. Sekiranya orang tersebut dilindungi di bawah lebih daripada satu (1) sijil sedemikian, Kami akan menganggap bahawa orang tersebut dilindungi di bawah sijil pertama yang dikeluarkan atau yang menawarkan Manfaat paling tinggi (yang mana berkenaan) dan Kami akan mengembalikan sebarang Sumbangan yang telah dibayar oleh atau bagi pihak Orang Yang Dilindungi untuk perlindungan yang satu lagi.

Sekiranya pada masa mana-mana tuntutan di bawah Manfaat yang dilindungi di dalam Sijil ini dibuat secara pembayaran balik, terdapat perlindungan takaful atau insurans lain, sama ada dengan Kami atau syarikat-syarikat lain yang melindungi risiko yang sama atau mana-mana bahagian daripadanya, Kami hanya akan membayar mengikut perkadarannya Kami yang sewajarnya.

13. Notis Amanah atau Penyerahan Hak

Kami tidak akan terikat untuk menerima atau dipengaruhi oleh mana-mana notis amanah, gadaian, lien, penyerahan hak atau lain-lain, seumpamanya yang berkaitan dengan Sijil ini.

14. Fasal Had Sekatan

Sijil ini tidak akan memberikan perlindungan dan Kami tidak akan bertanggungjawab untuk membayar apa-apa tuntutan atau memberikan apa-apa Manfaat di bawah ini di mana peruntukan perlindungan, pembayaran tuntutan, atau peruntukan Manfaat tersebut akan mendedahkan Kami kepada mana-mana larangan atau sekatan di bawah Resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, atau sekatan, undang-undang atau peraturan-peraturan perdagangan atau ekonomi Kesatuan Eropah, United Kingdom atau Amerika Syarikat.

15. Hak untuk menamatkan kerana Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pembiayaan Keganasan

Jika Kami mengetahui atau mengesyaki bahawa Sijil ini dimanfaatkan untuk kegiatan pengubahan wang haram atau untuk membiayai Keganasan, Kami berhak untuk menamatkan Sijil ini dengan serta-merta. Kami akan menguruskan semua Sumbangan yang dibayar dan semua Manfaat atau jumlah yang dibayar berkenaan dengan Sijil ini melalui apa-apa cara yang Kami anggap sesuai, termasuk tetapi tidak terhad kepada menyerahkannya kepada pihak berkuasa berkaitan.

16. Mata Wang untuk Semua Bayaran

Semua bayaran di bawah Sijil hendaklah dibuat dalam mata wang sah Malaysia.

17. Undang-Undang yang Terpakai

Sijil ini hendaklah ditadbir oleh dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia.

18. Subrogasi

Sekiranya Kami bertanggungjawab bagi sebarang bayaran di bawah Sijil ini, Kami akan disubrogasikan tertakluk kepada had bayaran tertentu untuk semua hak dan remedii Anda terhadap mana-mana pihak, dan adalah berhak atas perbelanjaan Kami sendiri untuk menyaman atas nama Anda. Anda akan memberikan atau akan menyebabkan untuk diberikan kepada semua bantuan tertentu dalam kuasa Anda sebagaimana Kami akan perlukan untuk mendapat hak dan remedii dan atas permintaan Kami hendaklah menandatangani atau menyebabkan untuk ditandatangani semua dokumen sewajarnya bagi membolehkan Kami secara berkesan menyampaikan saman menggunakan nama Anda.

19. Perubahan dalam Percukaian, Peraturan dan Perundangan

Kami boleh mengubah terma-terma dalam Sijil ini jika terdapat perubahan dalam percukaian, peraturan atau perundangan yang menjelaskan Sijil ini. Kami akan memaklumkan Anda secara bertulis apabila terma-terma dalam Sijil ini perlu diubah.

20. Tanggungjawab dan Hak Terhadap Perlindungan Data

Kami berhak untuk memproses Data Peribadi menurut Seksyen 4 Akta Perlindungan Data Peribadi 2010. Kami juga berhak untuk mendedahkan Data Peribadi yang telah diberikan oleh Anda sebagaimana yang dituntut berdasarkan konteks, kepada:

- a) Etiqa General Takaful Berhad, Etiqa General Insurance Berhad, Etiqa Family Takaful Berhad, Etiqa Life Insurance Berhad, Etiqa Life International (L) Ltd atau Etiqa Offshore Insurance (L) Ltd.;
- b) Entiti-entiti lain dalam Kumpulan Maybank;
- c) Ejen-ejen dan penyedia perkhidmatan Kami yang diberi kuasa yang tenggarnya Kami telah mengikat perjanjian kontrak untuk beberapa fungsi, perkhidmatan dan aktiviti Kami;
- d) Lain-lain syarikat insurans atau pengendali takaful dan wakil pengedar contohnya, bank, bank Islam, broker insurans, broker takaful, syarikat insurans semula dan pengendali takaful semula;
- e) Pertubuhan perdagangan industri seperti Persatuan Insurans Hayat Malaysia (LIAM), Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM) dan Persatuan Takaful Malaysia (MTA);
- f) Pedagang dan rakan kongsi strategik Kami;
- g) Mana-mana pihak yang diberi kuasa oleh Anda (dari semasa ke semasa); atau
- h) Penguatkuasaan peraturan dan agensi-agensi kerajaan yang dibenarkan atau dikehendaki oleh undang-undang, yang diberi kuasa oleh mana-mana perintah mahkamah atau untuk memenuhi kewajiban kepada pihak berkuasa.

Anda perlu memastikan semua Data Peribadi dikemaskini kepada Kami pada kadar segera.

Kami tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan atau kerosakan secara langsung atau tidak langsung terhadap Data Peribadi yang tidak tepat atau tidak lengkap yang diberikan kepada Kami.

Kami dari semasa ke semasa berhak untuk meminta Anda untuk memberikan Data Peribadi lain yang dikehendaki bagi tujuan Sijil ini.

Sebelum memberikan Kami Data Peribadi Orang Yang Dilindungi, atau mana-mana individu, Anda hendaklah memaklumkan individu tersebut mengenai notis privasi Kami.

Untuk butiran terperinci notis privasi mengenai bagaimana Kami mengumpul, menggunakan, memproses, melindungi dan mendedahkan Data Peribadi Anda, sila kunjungi cawangan Kami, hubungi Etiqa Oneline di talian 1300 13 8888, atau rujuk ke laman web Kami di www.etiqa.com.my.

APA YANG TIDAK DILINDUNGI

Kami tidak akan membayar bagi apa jua akibat yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh mana-mana yang berikut:

1. Penyakit Berjangkit atau kebimbangan atau ancaman (sama ada sebenar atau dianggap) sesuatu Penyakit Berjangkit;
2. Jangkitan bakteria atau virus anda disebabkan oleh penyakit atau penyakit, rawatan perubatan atau pembedahan, kecuali yang dilindungi di bawah Sijil ini;
3. Peperangan, serangan, tindakan musuh asing, permusuhan (sama ada peperangan diisyiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan, revolusi, insureksi, dahagi atau rampasan kuasa, kebangkitan tentera atau orang awam;
4. Sebarang tindakan yang diambil untuk mengawal, mencegah, menyekat atau, dalam apa jua cara berkaitan dengan (3) di atas;
5. Penyertaan di dalam kegiatan pengganas, rusuhan, mogok, atau kekecohan awam;
6. Pengionan, radiasi atau pencemaran, akibat kegiatan radioaktif daripada sebarang bahan buangan nuklear daripada pembakaran bahan api nuklear atau bahan senjata nuklear;
7. Bunuh diri, percubaan bunuh diri atau kecederaan yang sengaja dilakukan, sama ada semasa waras atau tidak waras;
8. Kecacatan atau keuzuran fizikal atau mental yang sedia ada, penyakit, jangkitan bakteria atau virus, walaupun dijangkiti daripada Kemalangan;
9. Provokasi fizikal dan keganasan oleh Anda, yang menyebabkan kecederaan fizikal atau kematian;
10. Latihan, berlatih atau mengambil bahagian dalam sukan berbahaya atau aktiviti-aktiviti seperti (tetapi tidak terhad) kepada:
 - i) Aktiviti di bawah air yang melibatkan penggunaan alat pernafasan;
 - ii) Kembara dalam gua, memanjat atau mendaki gunung;
 - iii) Pemburuan, aktiviti kenderaan off-road, atau luncur air;
 - iv) Penerbangan atau lain-lain aktiviti penerbangan, melainkan sebagai penumpang berbayar dalam penerbangan biasa;
 - v) Payung terjun, terjun udara, luncur tangan, atau terjun bungee;
 - vi) Sebarang aktiviti perlumbaan selain daripada menggunakan kaki;
 - vii) Sukan profesional; atau
 - viii) Seni mempertahankan diri atau pertarungan;
11. Penyertaan atau cubaan untuk melakukan aktiviti yang menyalahi undang-undang atau aktiviti jenayah, sama ada secara langsung atau tidak langsung;
12. Semasa menunggang atau memandu tanpa lesen memandu yang sah. Pengecualian ini tidak dikuat kuasakan sekiranya Anda memiliki lesen yang telah tamat tempoh tetapi tidak hilang kelayakan memiliki atau memperolehi lesen memandu di bawah peraturan Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia atau undang-undang dan peraturan lain yang berkaitan;
13. Berada di bawah pengaruh, secara sepenuhnya atau sebahagiannya oleh kesan alkohol atau dadah (selain daripada ubat yang diambil menurut preskripsi rawatan dan diarahkan oleh Doktor tetapi mengecualikan ubat yang digunakan untuk merawat ketagihan dadah); atau
14. Kontrak takaful ini tidak akan melindungi sebarang tuntutan yang berpuncak daripada apa-apa jua sebab atau akibat daripada Penyakit Mudah Jangkit, yang merupakan suatu wabak yang diisyiharkan sebagai Darurat Kesihatan Awam Keprihatinan Antarabangsa (PHEIC) oleh Kesatuan Kesihatan Sedunia (WHO). Pengecualian ini akan dikenakan ke atas tuntutan yang dibuat selepas tarikh sebarang pengisytiharan, selain daripada sesuatu diagnosis berkaitan telah dibuat oleh seorang pengamal perbuatan yang diiktiraf sebelum tarikh sebarang pengisytiharan. Pengecualian ini akan terus dikenakan sehingga WHO membatalkan atau menarik balik sesuatu PHEIC yang berkenaan.

KENYATAAN MAKLUMAT SIJIL

1. Sekiranya terdapat sebarang perubahan alamat, sila beritahu Kami dengan segera.
2. Untuk sebarang pertanyaan selain dari tuntutan, sila hubungi Kami di:

Etiqa General Takaful Berhad
Tingkat 13, Tower B, Dataran Maybank
No. 1, Jalan Maarof
59000 Kuala Lumpur, Malaysia
Nombor Telefon: +603 2297 3888
Nombor Faksimile: +603 2297 3800
Etiqa Oneline: 1300 13 8888
E-mel: info@etiqqa.com.my
Laman Web: www.etiqqa.com.my

3. Untuk sebarang tuntutan di bawah Sijil ini, sila hubungi Bantuan Tuntutan Kami di talian 1300 88 1007.

PROSEDUR ADUAN

Sekiranya Anda dapat perkhidmatan Kami memerlukan penambahbaikan, sila berikan Kami maklum balas Anda dengan menghubungi Kami melalui pos di:

Unit Pengurusan Aduan
Etiqa General Takaful Berhad
Tingkat 6, Tower B, Dataran Maybank
No. 1, Jalan Maarof
59000 Kuala Lumpur, Malaysia;

Atau melalui telefon 1300 13 8888 atau +603 2780 4500 (Luar Negara)
Nombor Faksimile: +603 2297 1919
E-mel: complaint_cmu@etiqqa.com.my

Kami akan memastikan maklum balas Anda dilayani.

Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OPK) dan Bank Negara Malaysia Laman Informasi, Nasihat & Khidmat (BNMLINK) juga menyediakan pendekatan alternatif dalam memberikan peluang kepada orang ramai untuk membentulkan amalan pasaran yang tidak adil.

PROSEDUR MEMBUAT ADUAN KEPADA OPK

Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OPK) boleh dihubungi oleh Pihak Menuntut atau Peserta, sekiranya Pihak Menuntut atau Peserta tidak berpuas hati dengan keputusan Kami terhadap sebarang pertikaian, atau kegagalan Kami untuk memberi maklum balas balas terhadap sebarang aduan dalam tempoh enam puluh (60) hari. Anda boleh menghubungi OPK melalui:

E-mel: enquiry@ofs.org.my
atau
Nombor Faksimile: +603 2272 1577
atau
Alamat Pos:
Ketua Pegawai Eksekutif
Ombudsman Perkhidmatan Kewangan
Tingkat 14, Blok Utama
Menara Takaful Malaysia
No.4, Jalan Sultan Sulaiman
50000, Kuala Lumpur

Sebagai alternatif, Pihak Menuntut atau Peserta boleh memfailkan pertikaian itu secara peribadi di pejabat OPK.

OPK perlu dihubungi dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh keputusan muktamad daripada Kami berkenaan pertikaian yang dibuat Pihak Menuntut atau Peserta.

Untuk maklumat lanjut mengenai OPK, sila dapatkan risalah maklumat daripada Kami atau layari laman web OPK di www.ofs.org.my.

Penglibatan OPK adalah tertakluk kepada terma-terma rujukan menurut Seksyen 138 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. Menghubungi OPK tidak akan menjaskan hak Pihak Menuntut atau Peserta untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap Kami sekiranya mereka tidak berpuas hati dengan keputusan oleh OPK.

PROSEDUR MEMBUAT ADUAN KEPADA BNMLINK

Mana-mana Peserta atau Pihak Menuntut yang tidak berpuas hati dengan cara pengendalian oleh sesebuah Pengendali Takaful boleh menulis kepada BNMLINK dengan memberikan butiran tentang aduan, nama Pengendali Takaful dan nombor Sijil atau nombor tuntutan.

Salinan surat-menyrat (sekiranya ada) antara Peserta atau Pihak Menuntut dan Pengendali Takaful juga boleh disertakan untuk memudahkan kerja mencari fail kes yang disimpan oleh Pengendali Takaful.

Alamat surat menyurat adalah seperti berikut:

Pengarah, Jabatan LINK dan Pejabat Wilayah
Bank Negara Malaysia
Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur, Malaysia
Nombor Telefon: 1300 88 5465
Nombor Faksimile: +603 2174 1515
E-mel: bnmlink@bnm.gov.my